



## DAC EVALUATION CRITERIA EFFECTIVENESS

Ahli Parlimen, adakah Yang Berhormat dalam usaha untuk menjadi wakil rakyat yang lebih efektif?

Adakah Yang Berhormat ingin terus untuk memaksimakan pembangunan mampun negara kita dengan mengajukan soalan dalam sidang Parlimen?

Kami mengalu-alukan Yang Berhormat membaca siri brosur ini:  
Kriteria OECD/DAC  
(Penilaian Jawatankuasa Bantuan Pembangunan OECD)

### Pengenalan

Parlimen berperanan penting dalam pembangunan negara menerusi mandat untuk menggubal undang-undang, mewakili suara rakyat dan juga memastikan kerajaan sentiasa dipertanggungjawabkan. Namun, bagaimana Yang Berhormat mengesahkan sama ada dasar dan program yang diluluskan di peringkat Parlimen telah dilaksanakan dengan jayanya, seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat? Bukti-bukti dari penilaian serta pemikiran kritis membolehkan ahli - ahli Parlimen memainkan peranan yang lebih aktif dalam menggubal serta melaksanakan polisi dan program ke arah hasil pembangunan yang lebih baik, adil dan berpanjangan.

Kriteria Penilaian OECD/DAC ini, jika disertai dengan pemahaman yang mendalam tentang intervensi pembangunan, boleh membantu ahli-ahli Parlimen mengajukan soalan yang bertepatan dengan aspirasi pembangunan negara sama ada dalam perbahasan di Dewan Rakyat atau di peringkat Jawatankuasa Khas, untuk memastikan rakyat menerima manfaat pembangunan yang maksimum.

### Keberkesaan

OECD/DAC mentakrifkan keberkesaan sebagai sejauh mana intervensi telah mencapai, atau dijangka untuk mencapai matlamatnya serta hasil manfaatnya, termasuk perbezaan dari segi manfaat yang diterima antara kumpulan-kumpulan sasaran.

### Istilah Utama

**Analisa tentang keberkesaan** mengambil kira tahap relatif kepentingan sesuatu matlamat atau hasil.

Terma **keberkesaan** juga digunakan sebagai agregat pengukuran tahap pencapaian atau jangkaan tahap pencapaian sesebuah intervensi, berdasarkan impak yang bersesuaian, lestari, efisien serta bersepadu.

#### KESESUAIAN

Adakah intervensi pembangunan melaksanakan perkara yang betul dan tepat?

#### KEBERKESANAN

Sejauh mana sesebuah intervensi telah mencapai matlamatnya?

#### IMPAK

Apa perubahan yang berlaku disebabkan oleh sebuah intervensi?

#### KRITERIA PENILAIAN



#### KEPADUAN

Bagaimana intervensi berpadanan atau melengkap dengan intervensi lain atau dasar sedia ada?

#### EFISIENSI

Sejauh mana sumber digunakan dengan cekap?

#### KELESTARIAN

Adakah manfaat dari intervensi berpanjangan?

## Bagaimana Ahli Parlimen Boleh Menggunakan Kriteria Keberkesaan

Parlimen bertanggungjawab memantau projek dan intervensi pembangunan yang dibiayai dengan dana awam. Dengan membahaskan tahap keberkesaan projek-projek sedemikian, ahli-ahli Parlimen dapat memastikan adakah manfaat yang diharapkan untuk rakyat sedang direalisasikan.

Penelitian tentang keberkesaan sesebuah program dan faktor-faktor yang mempengaruhinya, adalah penting dalam membuat keputusan sekiranya program tersebut perlu ditambah baik dalam fasa seterusnya, atau perlu diubah semula atau boleh dilaksanakan di tempat yang lain.

Soalan berkenaan keberkesaan akan mendedahkan sekiranya dana awam telah digunakan sebaiknya untuk menghasilkan manfaat yang dikehendaki. Sebagai contoh, untuk program pembasmian kemiskinan Yang Berhormat disarankan untuk meminta bukti bilangan keluarga yang mengalami peningkatan pendapatan, berapa ringgit tahap peningkatan pendapatan yang diperolehi, berapa keluarga yang telah keluar dari lingkungan kemiskinan serta berapa lamakah perubahan ini telah berlaku.

Maklumat dan bukti ini memberi peluang kepada ahli-ahli Parlimen untuk membuat perbandingan keberkesaan program-program dengan intervensi lain yang mungkin mempunyai strategi yang berbeza.

Laporan penilaian lazimnya akan mengukur dan menonjolkan keberkesaan sesebuah program dan dapat menjawab pertanyaan ahli-ahli Parlimen berkenaan dengan kriteria ini. Ahli-ahli Parlimen juga boleh merangka soalan-soalan yang penting dalam sidang Dewan mengenai dasar atau program dengan meminta supaya laporan penilaian disediakan serta secara individu, memahami kriteria keberkesaan.

## Contoh Soalan Berdasarkan Kriteria Keberkesaan

Berikut adalah contoh-contoh soalan yang boleh diajukan oleh ahli-ahli Parlimen berkenaan keberkesaan intervensi umum, program atau dasar di sidang perbahasan. Perlulah diingatkan bahawa konteks semasa, jenis dan takat intervensi atau polisi, proses serta keperluan semasa perlu diambil kira dalam perbahasan dalam sidang Dewan.

- A. Sejauh mana sesebuah intervensi telah mencapai atau boleh mencapai matlamat jangka-pendek atau jangka-panjang yang telah ditetapkan, dengan mengambil kira tahap kepentingan matlamattersebut?
- B. Apakah hasil manfaat dicapai secara saksama antara semua kumpulan sasaran?
- C. Apakah sebab yang mempengaruhi kejayaan atau kegagalan mencapai matlamat intervensi, secara keseluruhan?
- D. Sejauh mana kesan yang dilihat boleh dikaitkan kepada intervensi?
- E. Apakah faktor yang membantu atau menjelaskan keberkesaan sesebuah intervensi?

*Source: De Silva,S.(2021).Theory of Change For Development Success: Workbook. Colombo, Sri Lanka: Sri Lanka Evaluation Association*

## Sumber Lain berkenaan dengan Kriteria Kesesuaian

Kriteria penilaian OECD, diambil daripada:  
<https://tinyurl.com/2p9835a6>



OECD (2022) Memahami enam kriteria: Definisi, elemen untuk analisis dan kunci cabaran. diambil daripada:  
<https://tinyurl.com/bddeffx8>



Diterbitkan Oleh:



Hubungi: [apea.coordinator@gmail.com](mailto:apea.coordinator@gmail.com)